

KESAN PELAKSANAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA SEMASA PENYENGGARAAN

¹Nur Hazwani Ahmad Saufi, ²Nurul Farhana Amat, ³Nurhayati Md Saad
Mohd Nasrun Mohd Nawi

College of Business, School of Technology Management and Logistics,
University Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah Malaysia

E-mel ¹waniezsha@rocketmail.com, ²farhana90_amat@yahoo.com, ³nhayati.90@gmail.com

ABSTRAK

Penyenggaraan adalah aktiviti yang dilakukan secara berterusan bagi memastikan fungsi bangunan dapat dilaksanakan sebagaimana fungsinya secara normal. Penyenggaraan bangunan adalah aktiviti rutin yang harus dijalankan kerana bangunan merupakan unit yang sentiasa digunakan. Pengurusan fasiliti sebelum, semasa dan selepas bangunan siap sama ada bangunan persendirian atau bangunan kerajaan mestilah selari dan mengekalkan fungsi awal bangunan dan untuk memastikan sekitar bangunan sentiasa dalam keadaan yang baik. Keselamatan dan kesihatan kepada semua penghuni atau pelawat bangunan perlulah dalam keadaan kualiti yang baik. Isu ini berkaitan dengan kualiti, keselamatan, dan kesihatan yang berpunca dari kelemahan pengurusan kemudahan terutamanya aspek penyenggaraan seperti kerosakan, kebakaran, kegagalan mematuhi undang-undang dan sebagainya. Hal tersebut akan memberikan ancaman keselamatan dan kesihatan penghuni dan pelawat bangunan. Oleh itu, kualiti keselamatan dan kesihatan adalah dua elemen penting dalam penyenggaraan bangunan untuk memastikan bahawa semua penghuni sentiasa selesa selamat dan sihat semasa menggunakan bangunan tersebut.

Kata Kunci

Penyenggaraan, Keselamatan & Kesihatan, dan Pekerja

1.0 PENGENALAN

Penyenggaraan bangunan merupakan kerja yang dijalankan untuk membaiki, menjaga dan memulih kemudahan yang ada di dalam sesebuah bangunan supaya dapat mengekalkan utiliti dan nilai bangunan tersebut. Bangunan

yang diselenggara adalah bertujuan untuk membaiki kerosakan, menjaga dan memantau bangunan agar terus berada dalam keadaan yang baik dan selamat. Matlamat utama penyenggaraan bangunan adalah untuk mengurangkan seberapa banyak yang mungkin kegagalan dan kecacatan terhadap elemen dan peralatan bangunan secara efektif dan sistematik. Keselamatan merupakan aspek yang paling penting di dalam penyenggaraan bangunan. Oleh yang demikian keselamatan semasa aktiviti penyenggaraan perlulah dipantau supaya tidak membahayakan pekerja.

Kemalangan di tempat kerja semasa melakukan penyenggaraan bangunan sering berlaku apabila kerja-kerja penyenggaraan tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Jabatan keselamatan dan kesihatan pekerja ditubuhkan bagi mengatasi masalah ini. Akta keselamatan dan kesihatan Pekerjaan 1994 menyarankan agar program latihan bagi aktiviti penyenggaraan yang sesuai dapat digubal untuk pekerja sebagai langkah mengurangkan kadar kemalangan semasa melakukan penyenggaraan bangunan. Penyenggaraan bangunan yang baik dapat menjamin keselamatan yang lebih baik.

2.0 KAEDAH LITERATUR

Keselamatan dan kesihatan pekerja seringkali di pandang ringan oleh sesetengah pihak termasuk pekerja itu sendiri. Seharusnya setiap pekerja perlulah menjaga dan mematuhi setiap aspek keselamatan dan prosedur yang telah ditetapkan bagi memastikan peratusan bilangan pekerja yang terlibat dalam kemalangan dapat dikurangkan. Menurut Grossman (1996), majoriti kes kemalangan yang berlaku disebabkan oleh kurangnya pendedahan latihan

dari aspek keselamatan dan kesihatan kepada pekerja. Terdapat juga sebilangan pekerja yang mungkin tidak pernah diberikan pendedahan langsung mengenai aspek ini. Pendedahan ini perlulah dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa bagi memantapkan pemahaman pekerja disamping memberikan mereka peringatan sepanjang masa tentang pentingnya keselamatan semasa di tempat kerja.

Selain itu, Satapah (1995) pula memperuntukkan agar pekerja bersama-sama dengan majikan dalam mencegah hal ini dari terus berleluasa. Sikap pekerja juga merupakan penyumbang utama kepada peningkatan bilangan kemalangan ini. Pekerja dan majikan perlulah memainkan peranan yang penting dan saling bekerjasama dalam mewujudkan satu keadaan dan persekitaran kerja yang selesa dan selamat. Dengan adanya persekitaran kerja yang selesa dan selamat ini, risiko untuk berlakunya kemalangan akan dapat dikurangkan.

Menurut Bold (1996), kecuaiian dalam pelaksanaan pekerjaan, kecuaiian, pengabaian aspek keselamatan, pengabaian program kesedaran dan latihan, tiada disiplin serta kurangnya komunikasi antara pekerja dan pihak majikan juga seringkali dikaitkan dengan kejadian kemalangan di dalam industri pada masa kini. Latihan menjadi elemen asas yang dapat menjadikan program keselamatan menjadi lebih efektif dalam pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerja. Pekerja juga perlulah dilengkapi dengan program latihan keselamatan di kawasan penyenggaraan dijalankan yang merangkumi keperluan latihan menurut OSHA.

4.0 ANALISIS DATA/DAPATAN KAJIAN/KAJIAN KES

4.1 Kajian Kes

Berdasarkan kajian kes yang dianalisis kemalangan di tempat kerja semasa melakukan aktiviti penyenggaraan sering berlaku. Kadar kemalangan tidaklah terlalu tinggi. Namun, ianya tetap berlaku kepada pekerja yang

3.0 KAEDAH-KAEDAH

Keselamatan dari segi penyenggaraan bangunan adalah penting dalam semua aspek. Walaubagaimanapun, program latihan keselamatan dan kesihatan perlulah ditingkatkan lagi bagi memastikan keselamatan pekerja semasa melakukan kerja-kerja penyenggaraan adalah terjamin dan dapat dilakukan dengan baik. Kaedah yang digunakan di dalam artikel ini adalah mengenalpasti permasalahan yang perlu di kaji berkenaan dengan faktor keselamatan semasa melakukan penyenggaraan bangunan.

3.1 Kajian Literatur

Kajian dijalankan berdasarkan pengumpulan maklumat berkenaan pengurusan terhadap penyenggaraan dari segi keselamatan pekerja dari buku-buku, jurnal, tesis yang mana berkaitan dengan tajuk yang diberi.


3.2 Kaedah Pemerhatian

digunakan dalam mencari maklumat bagi memerhatikan bagaimana pekerja melakukan kerja-kerja semasa melakukan penyenggaraan. Kaedah ini dilakukan ke atas kontraktor dan kontraktor melihat bagaimana prestasi keselamatan yang diamalkan bagi latihan keselamatan ketika sebelum, semasa, dan selepas melakukan penyenggaraan.

3.3 Kaedah Temubual

Kaedah ini dilaksanakan dengan menemubual pekerja itu sendiri di mana seorang pekerja yang melakukan aktiviti penyenggaraan bangunan menjaga keselamatan diri mereka itu sendiri.

melakukan kerja-kerja penyenggaraan tersebut. Walaupun di tempat kerja dilengkapi dengan peralatan keselamatan yang canggih, tetapi tahap keselamatan di tempat kerja masih kurang memuaskan. Menurut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia, berikut adalah statistik kemalangan pekerjaan mengikut negeri bagi kategori maut sehingga oktober 2012, tiada negeri yang terkecuali untuk kemalangan maut.



4.2 Dapatan Kajian

Berdasarkan maklumat yang didapati daripada kes kajian, setiap kemalangan yang berlaku mempunyai sebab-sebab tertentu. Terdapat beberapa punca kemalangan di tempat kerja seperti pekerja tidak mengikut prosedur yang ditetapkan, tidak mematuhi arahan papan tanda, sikap pekerja yang cuai dan tidak peka dengan pekerjaan yang dilakukan. Semua perkara ini perlu dititik beratkan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja ditempat kerja bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan yang lebih besar.

4.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan

Akta keselamatan dan kesihatan Pekerja 1994 (OSHA 1994) ditubuhkan untuk melengkapi Akta Kilang dan Jentera 1967. Akta ini ditubuhkan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja supaya tidak berada dalam keadaan risiko yang tinggi terhadap kemalangan. Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ini mengandungi 15 bahagian. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ditubuhkan adalah bertujuan untuk:

- i. Memastikan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan pekerja yang berisiko terhadap kemalangan.
- ii. Melindungi pekerja semasa melakukan aktiviti-aktiviti pekerjaan di tempat kerja.

- iii. Mewujudkan perundangan keselamatan dan kesihatan berkaitan sistem peraturan dan amalan pekerjaan yang diluluskan.

4.4 Prosedur dan Peraturan OSH

Prosedur penyenggaraan merupakan dokumen teknikal yang terpenting dalam menjalankan aktiviti penyenggaraan. Ini kerana ia mampu memudahkan pekerja melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan serta menjamin kualiti hasil kerja yang dijalankan. Di samping itu, ia dapat mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja. Para pekerja perlu mematuhi segala prosedur dan peraturan yang telah termaktub dalam dokumen prosedur dan peraturan bagi mengelakan kemalangan yang lebih besar berlaku. Prosedur dan peraturan dibuat bagi menilai tahap keselamatan dan kesihatan pekerja daripada menanggung risiko kemalangan.

4.5 Garis Panduan OSH

Panduan dan piawaian merupakan pengukur dan sumber rujukan untuk menentukan sesebuah organisasi atau individu menjalankan aktiviti yang berkaitan bagi memenuhi kehendak atau pencapaian sesuatu pihak. Justeru piawaian yang digunakan oleh organisasi adalah bertujuan memberi perkhidmatan yang berkualiti terhadap penyenggaraan yang dilakukan bagi keselamatan dan kesihatan. Garis panduan

bertujuan untuk mengelak sebarang kemalangan daripada berlaku, memastikan peralatan dan kelengkapan digunakan dengan baik dan selamat serta meminimalkan sebarang permasalahan berkaitan penggunaan. Garis panduan juga menerangkan dengan lebih terperinci tentang tatacara penggunaan seperti peralatan, kelengkapan, mesin atau jentera yang digunakan semasa proses penyelenggaraan.

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kesihatan dan keselamatan pekerja dalam penyelenggaraan adalah amat penting bagi memastikan tiada sebarang masalah dan kejadian yang tidak diinginkan berlaku. Sikap sambil lewa pekerja juga merupakan salah satu punca terbesar yang mendorong kepada belakunya peningkatan kemalangan di tempat kerja.

Namun begitu, terdapat beberapa cadangan yang boleh dilakukan bagi mengatasi keadaan ini seterusnya membantu mengurangkan bilangan pekerja yang mengalami kemalangan di tempat kerja. Antara langkah- langkah yang wajar dititik beratkan oleh pihak yang terlibat adalah:

- i. Memberi pendedahan dan pendidikan tentang cara kerja penyelenggaraan dengan betul. Maklumat, arahan, sistem kerja dan juga latihan yang disediakan perlulah lengkap dan mudah difahami oleh semua kakitangan atau pekerja bagi mengelakkan berlakunya salah tafsiran maklumat dan kekeliruan dalam kalangan pekerja. Selain itu, cara ini juga akan dapat mendisiplinkan pekerja dan memastikan mereka mengamalkan penjagaan keselamatan pada sebelum, semasa dan juga selepas melakukan kerja- kerja penyelenggaraan.
- ii. Sentiasa melakukan pemeriksaan terhadap mesin dan peralatan penyelenggaraan. Pemeriksaan terhadap mesin dan peralatan ini sangat penting bagi memastikan segala kemudahan dan kelengkapan kerja berada dalam keadaan baik sebelum digunakan. Hal ini dapat mengelakkan dari berlaku

sebarang keadaan yang tidak diinginkan seperti kemalangan dan kecederaan terhadap pekerja. Melalui pemeriksaan ini juga, para pekerja akan dapat mengelakkan diri dari sebarang masalah seperti kerosakan mesin semasa menyelenggara, mesin gagal berfungsi, peralatan tidak mencukupi, serta kerosakan peralatan keselamatan semasa ingin melakukan kerja.

- iii. Memastikan agar semua pekerja mematuhi prosedur kerja penyelenggaraan yang telah ditetapkan. Pihak majikan dan ketua bagi setiap unit perlulah memastikan setiap pekerja mematuhi prosedur dan etika pemakaian ketika melakukan kerja- kerja penyelenggaraan. Hal ini kerana, pekerja kebiasaannya terdedah kepada persekitaran yang tidak selamat seperti lantai licin dan keadaan dinding berlumut yang boleh menyebabkan mereka tergelincir atau terjatuh semasa melakukan kerja. Jika etika dan prosedur kerja ini dipatuhi, sudah tentu ia dapat mengurangkan risiko kecederaan terhadap pekerja.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, aspek keselamatan dan kesihatan pekerja ini amat penting bagi menjaga aset sesebuah syarikat mahupun organisasi. Majikan, pekerja dan pihak- pihak yang terlibat perlulah bekerjasama bagi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja diberi perhatian yang serius dan terjamin setiap masa. Keadaan ini seterusnya dapat menyumbang kepada penurunan kadar kemalangan di tempat kerja yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang melakukan kerja penyelenggaraan.

Aspek keselamatan juga perlulah sentiasa diberi penekanan kepada para pekerja ketika sebelum. Semasa dan juga selepas kerja- kerja penyelenggaraan dilakukan. Pendedahan mengenai latihan dan hal- hal berkaitan yang terkandung di dalam OSH seperti program, kursus atau latihan induksi adalah amat berkesan dan penting bagi memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada pekerja dan majikan itu sendiri.

RUJUKAN

Akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan 1994 (OSHA 1994). Jabatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kementerian sumber manusia.

H. Zakaria, K. Arifin, S. Ahmad, K. Aiyub & Z. Fisal. Journal of techno-Social: Pengurusan fasiliti dalam penyenggaraan bangunan: Amalan Kualiti, Keselamatan dan kesihatan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Statistik kemalangan di tempat kerja sehingga (2012). Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia.